

'Beri 100 peratus sokongan kepada PM'

UM-10/6/2006

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD, IZWAR ABDUL WAHID dan S.ANAND KUMAR

Beliau perlu merancang serta merangka pelbagai strategi bagi memastikan kehidupan rakyat sentiasa dalam keadaan terbaik dan kita pula perlu memberi sokongan tidak berbelah bahagi

AZIZ TAPA
Tokoh veteran
UMNO

KUALA LUMPUR 9 Jun - Tokoh veteran UMNO, Tan Sri Aziz Tapa berkata, walaupun Tun Dr. Mahathir Mohamad mengkritik keras cara pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ia seharusnya dilihat sebagai sifat biasa yang ditunjukkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

Katanya, dalam situasi ketika ini Dr. Mahathir boleh menyuarakan apa jua pendapat atas dasar demokrasi tetapi Abdullah tidak boleh mengikut rentak bekas Perdana Menteri itu kerana beliau merupakan seorang pemerintah.

"Abdullah mempunyai tanggungjawab lebih besar. Sebagai Perdana Menteri beliau perlu memimpin rakyat negara ini.

"Beliau perlu merancang serta merangka pelbagai strategi bagi memastikan kehidupan rakyat sentiasa dalam keadaan terbaik dan kita pula perlu memberi sokongan tidak berbelah bahagi pada Abdullah," katanya ketika ditemui di Pusat

Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Aziz mengulas tindakan Dr. Mahathir mengkritik keras gaya kepimpinan Abdullah dengan mendakwa kerajaan ketika ini telah melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang telah dibuat oleh pentadbiran dipimpninya sebelum ini.

Ekoran kritikan itu, Perdana Menteri memberi reaksi bahawa Dr. Mahathir bebas bercakap apa sahaja termasuk melamparkan kritikan pedas terhadap beliau kerana Malaysia adalah negara demokrasi.

Dalam perkembangan sama, Presiden Kelab Senator Malaysia (KSM), Senator

Datuk Abdul Raman Suliman menggesa Dr. Mahathir supaya tidak mencampuri urusan kerajaan.

Beliau berkata, setiap Perdana Menteri memang mempunyai gaya kepimpinan tersendiri.

"Kemungkinan sebelum ini Tun (Dr. Mahathir) gayanya sendiri tetapi kini Abdullah telah mendapat mandat besar daripada rakyat.

"Kami melihat penambahbaikan yang dibuat oleh Perdana Menteri sekarang menjurus kepada kemakmuran negara," katanya.

Naib Ketua Puteri UMNO, Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, kritikan Dr. Mahathir itu kebanyakannya menyentuh keputusan Abdullah yang berkait dengan

bidang ekonomi serta masa depan negara. "Puteri melihat dari segi ekonomi, Perdana Menteri telah membuat satu keputusan terbaik demi kepentingan negara dan rakyat," katanya.

Ketua UMNO Bahagian Cheras, Senator Datuk Wira Syed Ali Alhabshee berkata, pertikaian pendapat antara Dr. Mahathir dan kepimpinan Perdana Menteri perlu dihentikan segera.

Beliau berkata, pertikaian itu lebih kepada kecaman yang bakal menimbulkan keresahan di kalangan rakyat.

Malah katanya, polemik terbuka yang terus dijadikan berita utama akhbar akan turut menghapus kredibiliti dan integriti kerajaan dan UMNO.

Ketua Pemuda UMNO Sabah, Japlin Akim berkata, pihaknya sentiasa berada di belakang Abdullah yang disifatkan sebagai pemimpin bersikap sederhana dan tegas.

"Sejak mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri, Abdullah memperlihatkan komitmen tinggi dan usaha gigih dalam memastikan negara terus maju, membangun dan cemerlang," tambahnya.